

# Tunku Intan Safinaz terima Ijazah Kehormat UUM

## IPT catat sejarah lahir 91 graduan PhD

Oleh Siti Fatimah Mohamed Anwar  
ctfa@bhorian.com.my

**A**LOR SETAR: Pengerusi Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB), Datuk Seri Tunku Intan Safinaz Sultan Abdul Halim akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Kerja Sosial) pada konvokesyen ke-23 Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Ahd ini.

Naib Canselor UUM, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata penganugerahan ijazah berkenaan berikutan sumbangan besar beliau dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan, termasuk meningkatkan imej Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia.

"Selain itu, Tunku Intan Safinaz juga adalah Penaung Diraja kepada Langkawi Geopark, Komander Askar Wataniah 513 dengan pangkat Brig Jen serta menjadi Pro Canselor Universiti Pertahanan Malaysia," katanya semalam.

Sementara itu, Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia, Marzuki Alie adalah antara graduan yang akan menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) pada majlis konvokesyen universiti UUM itu.

Marzuki, 55, yang berasal dari Palembang, Sumatera Selatan berjaya menamatkan pengajian peringkat kedoktoran selama empat ta-



**“Kejayaan UUM melahirkan graduan PhD yang ramai selaras menjayakan Program MyBrain15 dan agenda Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melahirkan ramai rakyat Malaysia miliki PhD”**

**Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak**  
Naib Canselor UUM

hun dan melengkapkan tesisnya bertajuk 'Pemasaran Politik Kepartian Indonesia: Kajian Pemilihan Umum Tahun 2009 di Daerah Khusus Ibu Kota Jakarta.'

Beliau juga aktif dalam bidang politik, ekonomi serta menjawat beberapa jawatan penting dalam Kerajaan In-

donesia, termasuk Komisar Utama Group Usaha PT Global Perkasa Investindo 2006, Pengarah Komersial PT Semen Baturaja (Perse- ro), Palembang.

Dalam pada itu, Mohamed Mustafa berkata, seramai 4,190 graduan akan menerima ijazah masing-masing sempena majlis konvokesyen berkenaan.

Daripada jumlah itu, katanya, seramai 52 graduan menerima PhD, 657 untuk Ijazah Sarjana, 2,906 Ijazah Sarjana Muda dan 567 Diploma Lulusan Ijazah (Diploma Pendidikan).

"UUM mencatat sejarah tersendiri apabila melahirkan 91 graduan PhD dan 1,337 graduan Sarjana dalam pelbagai bidang, terutama pentadbiran perniagaan dan kewangan sepanjang 2010.

"Kejayaan UUM melahirkan graduan PhD yang ramai ini selaras usaha menjayakan Program MyBrain15 dan agenda Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk melahirkan lebih ramai rakyat Malaysia memiliki PhD," katanya.

Mohamed Mustafa berkata, Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah merangkap Canselor UUM akan menyempurnakan majlis konvokesyen itu.

"UUM juga menganjurkan pesta konvokesyen mulai 29 Oktober hingga 2 November dari jam 9 pagi hingga 11 malam di Tapak Ekspo Padang Kawad PALAPES dan sekitar UUM," katanya.